

04/03/1998

Pemadam sokong program khas

KUALA LUMPUR, Selasa - Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pemadam) menyokong program khas antidadah serta pendidikan pencegahan dadah yang dijalankan di sekolah seperti diumumkan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Ong Ka Ting.

Naib Yang Dipertuanya, Datuk Lee Lam Thye, berkata langkah itu adalah satu alternatif positif dan berkesan dalam usaha menyeluruh menangani masalah dadah di negara ini.

"Usaha ini diperlukan bagi menghasilkan generasi bersih daripada dadah dan dapat memimpin negara, di samping mewarisi Wawasan 2020 yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Menurutnya, Kementerian Pendidikan melaporkan seramai 117 pelajar terbabit dalam penagihan dadah sepanjang tahun lalu dan ia perlu diberikan perhatian serius kerana pelajar lebih rapat dengan institusi sekolah.

Beliau berkata, pencegahan di peringkat sekolah perlu dipercepatkan dan masyarakat perlu memberikan kerjasama bagi memastikan sekolah bebas daripada gejala dadah.

Katanya, satu anugerah bagi menghargai usaha sekolah menangani gejala dadah perlu diwujudkan sebagai galakkan serta penghargaan daripada kerajaan.

(END)